

24/08/1999

Jualan tiga kali ganda di ekspo

Hasnira Hassan

KUALA LUMPUR, Isnin - Pameran perdagangan terbesar, Ekspo Cintai Malaysia '99, yang berakhir semalam mencatatkan jualan tiga kali ganda lebih tinggi berbanding tahun lalu dan dua peristiwa daripada satu acaranya disenaraikan dalam The Malaysia Book Of Records.

Ekspo yang berjaya mendapat perhatian dan kunjungan rakyat pelbagai kaum mencatatkan jualan sehingga RM60 juta berbanding RM20 juta sebelum ini.

Dalam ekspo itu juga hamper terbesar yang menjadi idaman 810,000 pengunjung diiktiraf sebagai hamper termahal oleh The Malaysia Book Of Records dengan nilai RM58,335.78 berbanding RM18,017 yang direkodkan sebelum ini.

Ekspo 10 hari anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCCI) itu berlangsung di Pusat Pameran Antarabangsa Mines, Sungai Besi.

Sementara itu, pengunjung dari Ampang, Lim Guat Ping, diisytiharkan pemenang hamper berkenaan selepas keputusan nilai hamper diperolehi pada jam 10.30 malam tadi, melalui kiraan jumlah sumbangan setiap syarikat terbabit. Malah, beliau turut disenaraikan dalam buku rekod itu.

Perkara itu, diumumkan Pengarah Urusan The Malaysia Book Of Records, Danny Ooi, pada sidang akhbar di Mines hari ini. Turut hadir, Pengerusi Penganjur ekspo, Kerk Loong Sing.

Pada majlis itu, Kerk berkata, secara keseluruhan, pihaknya berpuas hati dengan perkembangan dan prestasi yang dicatatkan sepanjang tempoh ekspo berkenaan.

"Berbanding tahun sebelumnya yang mana kebanyakan pengunjung adalah masyarakat Cina tetapi tahun ini, penyertaan pengunjung daripada pelbagai kaum adalah kejayaan besar ekspo ini.

"Malah secara langsung, kami turut mempromosikan kepelbagaian masyarakat dan kaum negara ini kepada pengunjung luar," katanya.

Beliau berkata, peningkatan jumlah pengunjung dilihat mulai hari pertama ekspo dengan seramai 60,000 orang dan terus meningkat sehingga 160,000 pengunjung pada hari terakhir, semalam.

Peningkatan catatan jumlah pengunjung itu katanya, mengatasi tahun lalu, sebanyak 586,000 orang. Kira-kira 600 pengunjung luar dicatatkan mengunjungi ekspo itu.

Selain itu, katanya, gerai jualan yang disediakan tahun ini meningkat 40 peratus kepada 650 gerai dengan penyertaan 335 syarikat berbanding 442 gerai tahun lalu.

"Ekspo kali ini juga menarik kerana ia bukan saja mendapat penyertaan syarikat jualan dan swasta tetapi disertai jabatan kerajaan dan syarikat media tempatan.

"Selain itu, banyak syarikat terkenal dengan barang berkualiti menyertai ekspo kali ini," katanya.

Kerk berkata, ekspo berkenaan juga mencapai objektif penganjur iaitu bagi membantu peniaga dan pengilang memperkenalkan barangan masing-masing bukan saja di pasaran tempatan malah menembusi pasaran antarabangsa.

Beliau berkata, ini terbukti melalui catatan jualan syarikat yang terbabit dalam ekspo seperti jumlah jualan sebanyak RM300,000 yang diperolehi oleh syarikat biskut tempatan.

Selain itu, difahamkan, syarikat yang terbabit dalam penjualan produk tongkat ali berjaya mendapat perjanjian bernilai RM3 juta bersama wakil China yang berkunjung ke ekspo itu.

Di samping itu, ekspo juga mengutip RM18,626.62 dalam tempoh tiga hari untuk disumbangkan kepada mangsa gempa bumi di Turki.

Selain itu, katanya, 106 pengunjung menderma bagi kempen derma darah yang dianjurkan selama setengah hari, semalam.

Mengulas cadangan menjadikan ekspo terbabit sebagai acara tahunan, Kerk berkata, beliau menyerahkan keputusan itu kepada Lembaga Pengarah KLSCCCI untuk menentukannya.

Selain itu, katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut mengemukakan cadangan sedemikian sebelum ini.

(END)